

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN
(KEPALA BATAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemampuan PRASARANA mengurus aset pengangkutan awam untuk 10 tahun yang akan datang. Apakah syarikat tersebut berada di dalam kedudukan kewangan yang positif dan apa kaedah menambah pendapatan untuk dekad mendatang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) adalah syarikat milik penuh Menteri

Kewangan Diperbadankan (MKD) yang telah ditubuhkan pada 11 Ogos 1998. Ia berfungsi sebagai pemilik aset dan operator bagi pengangkutan awam LRT, monorel dan bas Rapid. Selain itu, Prasarana juga bertanggungjawab untuk membangunkan projek-projek berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam rel dan bas.

Kerajaan amat yakin dengan kemampuan Prasarana dalam menguruskan operasi perkhidmatan pengangkutan awam rel dan bas Rapid dengan mengambil kira kapasiti, kepakaran dan keupayaan tenaga kerjanya untuk 10 tahun yang akan datang. Sebagai syarikat milik penuh MKD, Prasarana bertanggungjawab untuk memastikan *Key Performance Indicator* (KPI) dicapai mengikut sasaran yang ditetapkan dan ia dipantau oleh Kementerian Kewangan. Sehingga kini, keseluruhan pencapaian KPI Prasarana adalah baik dan memuaskan.

Berdasarkan Penyata Kewangan Diaudit 2013, Prasarana masih mencacat kerugian selepas cukai sebanyak RM619.318 juta. Walau bagaimanapun, kerugian berkenaan telah berkurangan jika dibandingkan kerugian selepas cukai yang dicatat pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM817.714 juta. Sungguhpun demikian, Prasarana masih berupaya menunjukkan peningkatan pendapatan iaitu daripada RM464.82 juta

(2012) kepada RM484,480 juta (2013). Secara ringkasnya, penyumbang utama kepada kerugian berkenaan adalah disebabkan oleh operasi perkhidmatan bas Rapid yang perlu menyediakan perkhidmatan bas di laluan yang tidak menguntungkan dan bebanan kos tarif elektrik yang tinggi.

Walaupun berada dalam kedudukan kewangan sedemikian, Kerajaan sedia maklum bahawa sebagai sebuah syarikat pengangkutan awam, operasi teras Prasarana adalah berlandaskan kepada obligasi sosial dan bukan untuk mengaut keuntungan semata-mata. Bagi tujuan memastikan kelestarian operasinya, Kerajaan telah mengenal pasti strategi terbaik, *feasible* dan *workable* untuk dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan Prasarana.

Untuk itu, Kerajaan telah meluluskan cadangan supaya Prasarana mengoptimumkan sumber pendapatan alternatif (*non fare revenue*) melalui pendekatan pembangunan harta tanah secara *Transit Oriented Development* (TOD). Konsep atau model TOD berkenaan melibatkan pembangunan harta tanah di sekitar jajaran dan stesen LRT serta monorel di mana ia telah terbukti berjaya dilaksanakan di Hong Kong dan Singapura. Pendapatan daripada TOD di negara-negara berkenaan telah

menyumbang hampir 50% daripada keseluruhan pendapatan syarikat operator rel. Oleh yang demikian, melalui pendapatan TOD berkenaan, strategi baru ini dipercayai dapat meminimumkan kebergantungan sokongan kewangan Kerajaan kepada Prasarana di masa hadapan.